

BULETIN TERAJU



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

www.umk.edu.my



MISI KEMANUSIAAN PADANG SUMBAR, INDONESIA UMK-UTHM-POLITEKNIK NEGERI PADANG 2010



AMANAT TAHUN BARU
NAIB CANSOLOR
Usaha perkukuh UMK jadi fokus
utama tahun 2011



MALAYSIA & JEPUN
Penubuhan MJIUT kukuh
hubungan



SEMBANG-SEMBANG
"Cabaran Dunia Perniagaan -
Mitos atau Realiti?"

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed

Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pendaftar
En. Abdul Halim Abdul Rahman

Bendahari
Hajah Siha Saat

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Komunikasi Korporat

Editor
Liau Pei Wen

Wartawan
Syarimie Wosley
Normala Othman

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka
Elyani Zamri

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan
Pemangku Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insaniah

Prof. Rosdi Ab. Rahman
Pengarah Pusat Pembangunan dan
Pengurusan Akademik



Tajuk : TERAJU
Foto : Mohd Al Azam Mat Razi
Rekabentuk : Elyani Zamri

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mel: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7019
Faks: 09-771 7022
Laman web: <http://www.umk.edu.my>



PERUTUSAN NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi.

Terlebih dahulu, saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat bersama-sama membawa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melangkah ke tahun 2011.

Sebagaimana yang kita telah ketahui, Kampus UMK di Bachok dan Jeli, Kelantan dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2011 bagi menampung seramai 3,000 mahasiswa berdasarkan lima kumpulan pengambilan pada sesi akademik 2007/2008, 2008/2009, 2009/2010 dan 2010/2011.

Kampus UMK Bachok akan menempatkan bangunan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Bangunan Akademik dan Pembelajaran (BAP) dan Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan (JPIP) manakala Kampus UMK, Jeli, akan menempatkan bangunan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), makmal, dewan dan asrama pelajar.

Sehubungan itu, kita sebagai warga UMK harus menjadikan usaha memperkukuhkan Universiti sebagai agenda utama kita pada tahun ini. Usaha ini akan menjadi kayu pengukur serta pengupaya kepada matlamat pengoperasian UMK sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Warga UMK perlu mengekalkan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh Universiti di samping cuba menempa kejayaan baru selain perlu mengambil langkah proaktif dalam memperkukuhkan asas penubuhan Universiti dengan melipat gandakan usaha kerana Universiti kini telah memasuki fasa kedua perancangan pembangunan.

Dalam pada itu, untuk makluman semua, kita akan mengadakan Majlis Konvokesyen Pertama UMK pada 2011 ini. Kita telah menerapkan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk membentuk bakal graduan UMK cemerlang. Justeru, kita berharap mereka dapat berjaya menembusi pasaran kerja untuk membuktikan UMK adalah gah dan mampu bersaing dengan graduan dari Universiti lain.

Dalam perkembangan lain, saya mewakili seluruh warga UMK ingin melahirkan rasa simpati dan menyampaikan ucapan takziah kepada kerajaan dan rakyat Jepun berikutan kejadian gempa bumi dan tsunami yang melanda negara Matahari Terbit itu pada 11 Mac 2011.

Marilah kita bersama-sama mendoakan mereka yang terselamat dalam malapetaka itu dapat kembali meneruskan kehidupan seperti sedia kala dan kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berasa bertuah kerana dilahirkan di negara yang bebas daripada bencana alam.

Selamat Tahun Baru 2011 dan semoga kita dapat meningkatkan azam tahun baru dengan menanamkan semangat kental dalam mengharungi tahun baru 2011 yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed

Usaha perkukuh UMK jadi fokus utama tahun 2011

-Naib Canselor



*Proses perjalanan UMK ke arah mencapai visi Universiti masih jauh dan memerlukan perancangan rapi dan pelaksanaan berkesan.
- Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini bin Mohamed.*

BERSAMA memperkukuhkan Universiti antara keutamaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2011 untuk menjadi pengukur dan pengupaya kepada matlamat penubuhan serta pengoperasiannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Justeru itu, staf UMK digesa mengekalkan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh Universiti di samping cuba menempa kejayaan baru terutama apabila harapan Universiti disandarkan khusus kepada bakal graduan pertama UMK yang dijangka bergraduasi tahun ini.

Saranan itu disuarakan oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini bin Mohamed dalam ucapan beliau sempena Majlis Amanat Tahun Baru 2011 di hadapan kira-kira 500 staf UMK di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 9 Januari 2011.

Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini berkata, staf perlu mengambil langkah proaktif dalam memperkukuhkan asas penubuhan Universiti dengan melipat gandakan usaha kerana Universiti kini telah memasuki fasa kedua perancangan pembangunan.

Katanya, proses ini melibatkan pembangunan keupayaan dalam aspek peningkatan sumber manusia yang berkelayakan, penyediaan kemudahan fizikal dan infrastruktur yang lebih kemas serta pemantapan sistem organisasi yang lebih teratur dan cekap.

"Perkara ini akan terus dibangunkan bagi tempoh lima tahun akan datang mulai tahun ini sebelum kita memasuki era kematangan sebagai sesebuah organisasi IPT," katanya.

Tambah Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini, proses perjalanan UMK ke arah mencapai visi Universiti masih jauh dan ia memerlukan Universiti membuat perancangan rapi dan pelaksanaan berkesan.

"Ia perlu mengambil kira segala perubahan dan keperluan semasa agar pembangunan Universiti seiring dengan perkembangan semasa masyarakat dan negara untuk terus relevan serta lestari," katanya.

Beliau menambah, Universiti telah mempunyai dokumen hala tuju dan pelan strategik untuk tempoh tahun 2010-2020 sebagai rujukan sasaran kerja tahunan Universiti.

Pada majlis sama, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini berkata, UMK telah bersedia menempatkan seramai 800 orang pelajar yang akan berpindah ke Kampus UMK Bachok dan 1,000 orang di Kampus UMK Jeli.

"Pergindahan tersebut akan bermula sebaik sahaja pembinaan kampus UMK fasa pertama di Bachok dan Jeli dijangka siap menjelang pertengahan tahun ini," katanya.

Kampus UMK Bachok akan menempatkan bangunan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Bangunan Akademik dan Pembelajaran (BAP) dan Jabatan Pembangunan, Infra dan Perkhidmatan (JPPI) manakala Kampus UMK Jeli akan menempatkan bangunan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), makmal, dewan dan asrama pelajar.

“Ia perlu mengambil kira segala perubahan dan keperluan semasa agar pembangunan Universiti seiring dengan perkembangan semasa masyarakat dan negara untuk terus relevan serta lestari”

Menurut Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini, tahun ini Universiti bakal menempa sejarah baru menerusi Majlis Konvokesyen graduan pertama UMK yang dijangka akan berlangsung pada tahun ini.

Tambah beliau, mereka adalah produk yang menjadi pengukur kepada matlamat penubuhan dan pengoperasian Universiti sebagai sebuah IPTA.

"Pelbagai awal telah dilaksanakan sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK termasuk memperkenalkan logo konvokesyen pertama," jelasnya.

Sistem ini perlu diintegrasikan bersama dengan sistem pengurusan akademik, kewangan dan pengesanan graduan sedia ada agar dapat dilaksanakan dengan baik serta berkesan.



Duta Jepun ke Malaysia, TYT Mr. Masahiko Horie tertarik dengan hidangan makanan Jepun semasa melawat sebuah gerai pameran sempena kunjungan beliau ke Universiti Malaysia Kelantan.

Penubuhan MJIUT kukuh hubungan MALAYSIA & JEPUN

HUBUNGAN erat yang terjalin antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Reitsumeikan Asia Pacific University, Jepun, adalah contoh terbaik dari kesinambungan hubungan yang terjalin antara Malaysia dan Jepun menerusi Dasar Pandang Ke Timur yang dilancarkan kerajaan Malaysia hampir 30 tahun lalu.

Menerusi dasar itu, setiap tahun Malaysia telah menghantar lebih 350 pelajar dari negara ini untuk melanjutkan pengajian di 50 universiti di Jepun. Ini secara tidak langsung telah memberi sumbangan besar kepada kemajuan negara dalam bidang teknologi dan sains.

Duta Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT), Mr. Masahiko Horie memberitahu selain kerjasama dengan UMK, pihaknya juga turut bekerjasama dengan beberapa Universiti Awam lain dalam beberapa bidang.

Beliau berkata, pihaknya amat menghargai hubungan erat ini dan berharap ia akan terus kekal pada masa hadapan apabila idea penubuhan Universiti Teknologi Antarabangsa Jepun-Malaysia (MJIUT) yang mula diketengahkan.

"Idea tersebut mula diketengahkan sejak 2001 oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ia akan menjadi realiti apabila MJIUT beroperasi secara rasmi September ini," katanya.

HIS EXCELLENCY MR. MASAHIKO HORIE,
AMBASSADOR OF JAPAN TO MALAYSIA

25 JANUARY 2011

DEWAN TERBUKA KEUSAHAWANAN,
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



TYT Masahiko Horie menyampaikan ucapan bertajuk "Building A Strong Country Brand-The Japanese Innovation".

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan bertajuk *Building A Strong Country Brand – The Japanese Innovation* di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK, pada 25 Januari 2011.

Turut hadir dalam majlis penyampaian ucapan Duta Jepun ke Malaysia, tersebut ialah Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed dan Pendaftar UMK, En. Abdul Halim bin Abdul Rahman.

Lima buah universiti lain dijangka terlibat sama dalam masa terdekat. Universiti ini akan menawarkan program pengajian dalam jurusan kejuruteraan, kimia dan pentadbiran kejuruteraan.

"MJIUT juga akan memberi fokus kepada bidang teknologi kejuruteraan yang berkaitan dengan alam sekitar," ujarnya.

Sempena lawatan Duta Jepun ke Malaysia, Mr. Masahiko Horie ke UMK, pelbagai aktiviti diadakan antaranya pameran oleh pelajar-pelajar UMK yang mempelajari bahasa asing dan nyanyian lagu Jepun oleh koir UMK.

Malah dalam ucapan beliau, Masahiko Horie menekankan beberapa aspek antaranya elemen yang terdapat pada produk-produk keluaran negara Jepun sehingga ia mendapat pasaran yang luas dan kepercayaan yang tinggi dalam kalangan pengguna seluruh dunia.

Menurut beliau, antara elemen yang membolehkan produk Jepun mendapat sambutan tinggi di seluruh dunia adalah kualiti tinggi dengan kos rendah, mempunyai tahap kecekapan tinggi dan tahap kecacatan rendah, bersaiz kecil dan rekabentuk yang cantik, menggabungkan ciptaan inovatif dan pengaplikasian teknologi canggih serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sejajar dengan spesifikasi pengeluaran.

Tambahnya, antara cabaran masa depan yang akan dihadapi oleh pengeluar Jepun adalah kesamaan tidak lagi menjadi nilai tambah (merit) kepada produk-produk keluaran negara itu.

"Hal ini kerana kita berada di era globalisasi, maka standard pengeluaran produk negara Jepun perlu bersaing dengan standard produk-produk keluaran negara lain di dunia ini.

"Sehubungan itu, kita perlu mengadakan penyelidikan pasaran di lokasi-lokasi yang berbeza dalam usaha mencari kelainan untuk produk-produk yang dihasilkan nanti," katanya.

Pengurusan UMK turut mengambil kesempatan sempena lawatan Tuan Yang Terutama (TYT), Mr. Masahiko Horie untuk mengadakan sesi perbincangan dengan beliau. Antara topik perbincangan yang disentuh meliputi Pembangunan Sumber Manusia, Program Akademik Agro Perniagaan dan Pembangunan Fizikal.

TIMBALAN MENTERI KPTM KAGUM PEMBANGUNAN PESAT UMK

TIMBALAN Menteri Pengajian Tinggi 1, Y.B. Dato' Dr. Hou Kok Chung kagum dengan pembangunan pesat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) meskipun Universiti penuh pertama di negeri Kelantan ini baru beroperasi hampir empat tahun.

Beliau yang pertama kali berkunjung ke Kampus UMK, Pengkalan Chepa, Kelantan baru-baru ini berkata, kemantapan kumpulan pengurusan UMK menjadi satu kelebihan kepada pembangunan Universiti ini.

"Infrastruktur fizikal bukan kayu pengukur kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah Universiti, sebaliknya kurikulum serta kemahiran yang diterapkan kepada para pelajar itu adalah lebih penting dan perlu diberi keutamaan," katanya.

Dr. Hou berkata demikian dalam ucapan ringkasnya sempena lawatan muhibbah beliau ke Kampus UMK, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 25 Februari 2011.

Turut hadir Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dan pengurusan Universiti.

Dr. Hou mengadakan perbincangan singkat dengan pengurusan UMK sempena lawatan tersebut selain turut menyaksikan sesi bacaan ikrar oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMK Sesi 2011 yang diadakan di Bilik Kuliah 5, Kampus UMK, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Dalam pada itu, proses pengundian MPP UMK sesi 2011 yang diadakan pada 21 Februari 2011 menerusi sistem pengundian secara elektronik atau e-undi telah berjalan lancar apabila lebih 75 peratus atau 1,776 mahasiswa keluar mengundi.

Sebanyak lapan kerusi menjadi rebutan 15 calon iaitu empat bagi kerusi umum, dua kerusi Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dan dua kerusi Fakulti Keusahawanan Perniagaan (FKP).

Calon kerusi umum dimenangi oleh Muhammad Firdaus Abdul Karim, 21, pelajar tahun dua FASA; Ikhwani Syafaat Jalaini, 21, (tahun dua FKP); Amalina Abdul Aziz, 22, (tahun dua FKP) dan Noor Salehah Jefferi, 21, (tahun dua FASA)

Manakala dua kerusi FASA pula disandang oleh Marianne Christie Leong, 21, (tahun dua) dan Mohd. Ruzaini Alias, 21, (tahun dua). Bagi dua kerusi FKP pula dimenangi oleh Azlan Shaheed Zurain Tuming, 21, (tahun satu) dan S. Kumaraguru, 22, (tahun dua).

Tiada perebutan kerusi berlaku di dua fakulti iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) yang mana empat calonnya telah diisytiharkan menang tanpa bertanding.

Mereka adalah Abdul Karim Wahidon, 22, dan Farah Hazwan Hanis Ho, 22, kedua-duanya mahasiswa tahun dua FTKW dan Nur Ainsyah Natasya Abd. Aziz, 20, (tahun satu FPV) dan Goh Soon Heng, 21 (tahun satu FPV).



Y.B. Dato' Dr. Hou Kok Chung bersama anggota baru Majlis Perwakilan Pelajar UMK 2011.



UMK DISARAN SERTAI PROGRAM GERAK SISWAZAH TANI



Kunjungan muhibah Menteri Pertanian dan dan Industri Asas Tani, Y.B. Dato' Seri Noh bin Omar ke UMK.

PELAKSANAAN Program Gerak Siswazah Tani antara mekanisme terbaik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk membudayakan bidang keusahawanan tani di kalangan belia terutamanya yang membabitkan golongan siswazah.

Ketua Setiausahanya, Y.Bhg. Dato' Mohd Hashim bin Abdullah, berkata, pihak kementerian sentiasa menjalinkan kerjasama dan hubungan baik dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) meliputi pelbagai aktiviti terutamanya dalam industri asas tani.

Tambah beliau, program ini adalah usaha memperkasakan sektor pertanian terutamanya bagi mewujudkan siswazah tani teknologi terkini dan moden dalam meningkatkan sumber pertanian dan industri asas tani.

"Program ini meliputi aspek-aspek seperti latihan, pembangunan produk, promosi dan pemasaran, teknologi, penyediaan peralatan/mesin dan naiktaraf premis perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena lawatan Muhibbah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Datuk Seri Noh bin Omar, ke ke kampus Universiti Malaysia Kelantan, pada 13 Februari 2011.

Sehingga kini, empat siri Program Gerak Siswazah Tani telah dilaksanakan oleh pihak kementerian pada tahun 2010 dengan kerjasama empat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Kunjungan muhibah itu bertujuan untuk mengadakan perbincangan dan kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara UMK dan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terutamanya dalam pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pada majlis sama, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed turut mengadakan taklimat ringkas dan perkembangan terkini UMK.

Turut hadir pada majlis itu Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Tan Sri Datuk Seri Annuar bin Musa, pegawai kanan MOA dan pengurusan kanan UMK.

DIAMANAHKAN menerajui Universiti Malaysia Kelantan pada 1 Oktober 2006 sebagai Naib Canselor pertama. Selama empat tahun menerajui UMK beliau telah berjaya melahirkan pusat pengajian yang berpendidikan keusahawanan dengan penubuhan empat fakulti, satu institut dan dua pusat kecemerlangan.

Tidak dinafikan juga, jasa dan sumbangan beliau dalam mentransformasikan pembangunan sistem pendidikan tinggi negara banyak memberi impak positif. Ikuti wawancara khas TERAJU bersama Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed diatas penganugerahan Profesor Emeritus daripada Universiti Teknologi Malaysia, sempena Majlis Konvokesyen ke 46, pada 26 Mac 2011.

Terlebih dahulu, pihak Universiti merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Y.Bhg. Prof. Dato' di atas penganugerahan Profesor Emeritus.

Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), khususnya Senat Universiti yang telah memilih dan memberi kepercayaan kepada saya sebagai penerima anugerah Ijazah Kehormat Profesor Emeritus, satu anugerah yang sangat tinggi nilainya. Terima kasih ini khususnya kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Zaini bin Ujang sebagai Naib Canselor dan Pengerusi Senat UTM. Saya juga mengucapkan terima kasih pada semua warga UMK.


Apakah yang dapat dimanfaatkan Y.Bhg. Prof. Dato' selepas 29 tahun lebih (1974-2003) berkhidmat dengan UTM (sehingga mendapat pengiktirafan dan penganugerahan ini)?

Saya sungguh bertuah, tempoh di UTM saya telah berkhidmat di bawah empat Naib Canselor. Saya perhatikan kejayaan besar pihak Pengurusan UTM adalah mengamalkan falsafah "meritokrasi" bukan pilih kasih (kronisme dan nepotisme). Realitinya, Universiti adalah tempat menguruskan intelektual bukan pekerja pengeluaran dan sewajarnya keadilan sosial diberi perhatian, mereka yang layak perlu diberi tempat.

Saya cukup berbangga diasosiasikan dengan UTM. Universiti ini telah berfungsi sebagai inkubator kepimpinan yang berjaya. Saya telah dilatih mengamalkan konsep *empowerment* yang sebenarnya dalam pengurusan. Ini juga bererti saya diberi kebertanggungjawaban tentang tindakan yang telah diambil.

Siapakah mentor dan sumber inspirasi yang banyak membimbing Y.Bhg. Prof. Dato'?

Mudah sahaja jawapan saya, mentor utama saya di UTM, iaitu Y.Bhg. Tan Seri Dato' Aiuuddin Abd Wahid adalah Naib Canselor pertama UTM pada masa itu. Beliau telah meletakkan asas dan mendidik saya sehingga berjaya dan dapat pula saya menyumbang balik dengan berkesan kepada UTM dan masyarakat.



Y. Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

ANUGERAH PROFESOR EMERITUS BERI PENGHORMATAN KEPADA UMK

Saya, secara peribadi adalah salah seorang daripada anak didik beliau yang sinonim dengan UTM. Kejayaan kepimpinan beliau bukan sahaja mendidik saya menjadi seorang jurulatih, pemudahcara (facilitator) dan ahli akademik tetapi juga mendidik saya supaya sentiasa memberi perhatian kepada kepentingan keadilan sosial dan meritokrasi.

Bagaimana Y.Bhg. Prof. Dato' melihat pencapaian dan kejayaan itu memberi impak positif kepada warga UTM dan sistem pendidikan tinggi Negara?

Dalam tempoh 1993-2001 pula, saya telah dapat menyumbang membangunkan sistem pengajian siswazah UTM seperti menerbitkan manual pengajian siswazah; membina budaya kerja baru dengan membina minda positif untuk menerima pengajian siswazah sebagai komponen penting Universiti; memulakan kaedah penyampaian dan pelaksanaan program pengajian yang inovatif (iaitu bertanggungjawab memulakan beberapa inisiatif penting).

Selain itu, saya juga bertanggungjawab dalam memperkenalkan konsep Jam Belajar Pelajar (JBP/ SLT) yang telah diterima pakai dalam *The Malaysian Qualifications Framework (MQF)* dan semua IPT di Malaysia dan penggunaan Kemahiran Insaniah (KI) (*Soft Skills*) dan mepengerusikan jawatankuasa petugas memantau pelaksanaan dan penerapan KI di peringkat KPT (2006/2007).

Pada akhir tahun 1998, saya telah ditugaskan untuk mepengerusikan jawatankuasa petugas peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyediakan kertas cadangan kepada Kabinet tentang model pendidikan kejuruteraan baru dan penubuhan rangkaian Universiti Teknikal di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menerusi kertas kerja itu, penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (KUKTM), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO), Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah direalisasikan berasaskan model yang telah dikemukakan. Kini kumpulan universiti baru ini dikenali sebagai Malaysian Technical University Network atau lebih dikenali sebagai MTUN iaitu Universiti

Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diberi nama semasa saya bertugas sebagai Timbalan Rektor di KUITTHO.

Secara ringkas, bolehkah Y.Bhg. Prof. Dato' jelaskan tentang penstrukturan dan pembangunan operasi UMK?

Sebagai Pengasas kepada penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan *Founding Vice Chancellor*, saya berperanan sebagai pempunya dalam merancang, melaksana, memantau, menilai dan menambahkan kewujudannya. Pengalaman dalam UTM banyak membantu membangunkan UMK iaitu satu-satunya Universiti awam di negeri Kelantan.

UMK dibangunkan berasaskan lima teras strategi iaitu program akademik, pengurusan sumber manusia, infrastruktur fizikal, sistem pentadbiran/pengurusan/urus tadbir dan khidmat masyarakat. Universiti telah berjaya menyediakan dokumen hala tuju Universiti untuk jangka masa sederhana dan panjang bagi merealisasikan sebahagian daripada pelan pembangunan.

Akhir sekali apakah harapan Y.Bhg. Prof. Dato' kepada graduan amnya dan warga UMK?

Saya menyeru kepada graduan supaya tidak berharap dan tidak bergantung kepada 'tangan ghaib' atau 'tongkat' untuk membantu dalam peningkatan kerjaya kita. Oleh itu memahami dan menghayati nilai keusahawanan adalah jalan penyelesaian terbaik untuk kita meningkatkan kepercayaan dan kepercayaan diri, berani mengambil risiko, perkukuhkan jati diri, inginkan perubahan (inovatif/kreatif), memperkasakan Kemahiran Insaniah (KI) dan sebagainya. Sesungguhnya sesuatu penghargaan itu akan datang bersepadanan dengan sumbangan yang kita berikan. Insha Allah.

Chairman Lecture Series 14

AVON BERI PELUANG SETENGAH JUTA RAKYAT TAMBAH PENDAPATAN

PERKEMBANGAN dan permintaan tinggi setiap tahun antara faktor utama kejayaan produk kosmetik Avon mampu bertahan selama 33 tahun bertapak di negara ini selepas melalui pelbagai proses transformasi bagi meningkatkan penghasilan rangkaian produk.

Presiden Avon Cosmetics Sdn. Bhd. (Malaysia, Thailand, Vitenam, Indonesia), En Mansoor bin Wan Abdullah, kejayaan Avon terletak sepenuhnya kepada kualiti produk serta rangkaian pengedaran yang cecap, cepat dan meluas oleh 480,000 wakil-wakil pengedar yang dilantik sehingga tahun 2011.

Beliau berkata, syarikat Avon akan terus memberi tumpuan bagi meningkatkan rangkaian wakil Avon sebagai pengedar produk dan usaha untuk mengukuhkan lagi pasaran kosmetik di negara ini termasuk termasuk dari segi pengendalian perniagaan, pengetahuan produk dan perkhidmatan.

"Selain itu, faktor produknya yang berkualiti itu juga banyak membantu saya untuk memilih menyertai Avon Malaysia pada tahun 1992 pada masa itu di beri jawatan sebagai Pengarah Khidmat Pelanggan sehinggalah saya dilantik sebagai Presiden pada hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ceramah Program *Chairman Lecture Series 14* bertema *Distribution Strategy – Retail Selling*, di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 19 Februari 2011.

Sebelum itu, penceramah pertama dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Dr. Rafi bin Yaacob telah menyampaikan ceramah bertajuk *Retailing Distribution Strategies: Challenges for SMEs in Malaysia*.

En. Mansoor dalam ceramahnya telah memilih untuk bersama sebuah syarikat kecantikan yang 70 peratus pekerjanya adalah wanita bukan sesuatu yang sukar dan menimbulkan masalah kepadanya.

Beliau memberitahu, dengan kejayaan menerajui Avon pada hari ini dapat memenuhi keperluan wanita Malaysia serta berjaya membuka peluang pendapatan kepada hampir setengah juta rakyat Malaysia.



Presiden Avon Cosmetic Sdn Bhd., En Mansoor Wan Abdullah (kiri) dan Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan, Dr. Rafi Yaacob..



29 sukarelawan UMK sertai operasi pembersihan banjir di Johor

PERANAN Universiti bukan sahaja sekadar gedung menuntut ilmu untuk melahirkan modal insan cemerlang tetapi universiti juga perlu menjurus kepada pembangunan sosial terutamanya dalam memberi sumbangan dan khidmat masyarakat terutamanya ketika berdepan dengan bencana dan musibah.

Sehubungan itu, di atas dasar keperihatinan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tampil membantu meringankan kesusahan dan kesengsaraan mangsa-mangsa banjir dengan menyertai program Operasi Pembersihan Kawasan Banjir di Parlimen Pagoh, Johor, pada 12 hingga 13 Februari 2011.

Penolong Ketua Rombongan Skwad Bencana Alam UMK, En. Zafrin bin Abdul Rahman, berkata, seramai 29 orang staf telah menyertai misi ini bersama-sama lebih 2,000 sukarelawan termasuk 1,200 mahasiswa dan kakitangan daripada 14 institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Beliau berkata, kumpulan sukarelawan UMK menyertai operasi anjuran Majlis Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) kali ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga UMK menerusi aktiviti gorong-royong membersihkan beberapa rumah dan sekolah yang dilanda banjir di Parlimen Pagoh.

"Selain membantu dalam operasi pembersihan, skuad UMK diketuai oleh Dr. Nik Yusri bin Musa dari Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) turut membuat aktiviti sendiri seperti melawat mangsa banjir di Kampung Jayor, Pagoh.

"Sukarelawan UMK bersama-sama penduduk kampung turut mendengar tazkirah yang disampaikan oleh ketua rombongan Dr. Nik Yusri selepas menunaikan solat maghrib secara berjemaah," katanya.

Menurutnya, UMK juga telah menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 21 keluarga mangsa banjir dan turut menghulurkan bantuan sebanyak RM200.00 kepada tabung surau dan tabung Balai Raya.

Sebelum bertolak pulang ke UMK, pada hari kedua skuad UMK telah diamanahkan untuk membantu mangsa banjir di Kampung Lenga dan Kampung Sungai Berani dengan menyampaikan bantuan RM100 kepada lima penduduk di kedua-dua kampung.



Tambah Zafrin, selain UMK antara IPTA yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Turut terlibat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

"Penglibatan UMK dalam misi seperti ini adalah sebagai tanggungjawab kepada masyarakat dan aktiviti akan diteruskan tanpa mengira masa, tempat dan bencana yang dihadapi," jelasnya.



MISI KEMANUSIAAN PADANG 2010

UMK-UTHM-POLITEKNIK NEGERI PADANG SUMBAR, INDONESIA

30 DIS 2010 - 4 JAN 2011



UMK anjur Bengkel Penilaian Misi Kemanusiaan



WALAUPUN sudah hampir dua tahun berlalu namun sebahagian penduduk di Padang, Indonesia, tidak mungkin dapat melupakan bencana gempa bumi yang berukuran 7.9 pada skala Richter yang berlaku pada petang penghujung September 2009.

Trauma ekoran kejadian yang mengorbankan beratus nyawa itu juga tidak mudah luntur pada ingatan kerana dalam sekelip mata ia meranapkan perkampungan dan kediaman mereka.

Dalam usaha menginsafi dan berkongsi musibah itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi telah menganjur Misi Kemanusiaan Padang 2010 buat kali kedua dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Politeknik Negeri Padang Indonesia, pada 30 Disember 2010 hingga 4 Januari 2011.

Misi kedua yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) itu membabitkan dua lokasi yang berbeza iaitu di Kabupaten Pariaman dan Kabupaten Agam, Padang, Indonesia.

Program kali ini melibatkan 134 sukarelawan terdiri daripada 14 staf dan 40 mahasiswa UMK, 35 wakil dari UTHM, 40 wakil daripada Politeknik Padang, Indonesia, dan lima sukarelawan perubatan.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, misi berkenaan diadakan bagi menghulurkan bantuan material dan sokongan moral kepada masyarakat di Kabupaten Pariaman dan Kabupaten Agam, Padang, Sumatera Barat, Indonesia.

"Ini adalah program kali kedua yang dilaksanakan oleh UMK selepas misi kemanusiaan kali pertama UMK di Kemboja pada November 2010.

"Misi kali ini melibatkan penyertaan kakitangan universiti, mahasiswa, sukarelawan perubatan dan wakil media," katanya.

Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai yang juga Penaung Misi Kemanusiaan ke Padang 2010 berkata, antara aktiviti utama yang dilaksanakan adalah menyalurkan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim, keluarga miskin dan gotong-royong membina rumah serta membaik pulih sekolah.

"Sukarelawan juga mengadakan kelas English For Fun kepada pelajar-pelajar sekolah tadika dan sekolah dasar (sekolah rendah).

"Mereka mengajar murid-murid bertutur dalam bahasa Inggeris menggunakan perkataan-perkataan asas melalui beberapa kaedah seperti menyanyi beramai-ramai, permainan, teka teki dan melukis," katanya.

Beliau menambah, pihaknya turut menyalurkan bantuan pakaian yang didermakan melalui UTHM dan UMK selain mengadakan program kesihatan melibatkan aktiviti berkhata, pemeriksaan kesihatan secara percuma dan rawatan pesakit luar yang mendapat sambutan luar jangkaan.

"51 kanak-kanak dikhatankan dan 370 pesakit luar mendapat rawatan dalam program kesihatan yang diketuai oleh Pegawai Perubatan UMK, Dr. Aswan bin Ismail.

"Para sukarelawan ditugaskan sebagai pembantu di Pusat Kesihatan Masyarakat manakala pelajar Politeknik Negeri Padang membantu dari segi mengurangkan masalah komunikasi dengan masyarakat tempatan," jelasnya.

Setiap peserta sukarelawan yang terlibat dalam Program Misi Kemanusiaan Padang 2010, dikehendaki membuat penyelidikan berkaitan dengan sosial ekonomi masyarakat tempatan. Antara soal selidik yang telah dijalankan ialah berkaitan dengan taraf hidup, pekerjaan, aktiviti seharian masyarakat, termasuklah juga maklumat peribadi seperti bilangan ahli keluarga serta masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk setempat.

Sumbangan wang untuk anak yatim dilakukan melalui Bendahari Program Misi Kemanusiaan iaitu En. Mohd. Shahrizan bin Abu Bakar mewakili UMK dan Prof. Madya Dr. Syukri mewakili UTHM.

Selain itu, sukarelawan juga membantu mengagihkan sumbangan alat-alat tulis dan kelengkapan persekolahan bertujuan bagi memberi dorongan di samping membantu murid-murid sekolah yang tidak berkemampuan menghadapi alam persekolahan 2011. Alat-alat tulis yang diberikan seperti pensil, pemadam, pembaris, buku tulis, warna pastel, warna crayon dan pensil warna.

Mereka juga bersama-sama mengumpul duit untuk majlis makan malam perpisahan sebelum bertolak ke Malaysia, semua peserta juga berpeluang membeli-belah barangan cenderahati di Bukit Tinggi dan menonton persembahan kebudayaan.

MENYEDARI sumbangan dan peranan sukarelawan dalam penganjuran program Misi Kemanusiaan Padang 2010, di Padang, Indonesia, satu Bengkel Penilaian sempena Misi Kemanusiaan Padang anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah diadakan, di kampus UMK, pada 4 dan 5 Mac 2011.

Bengkel dua hari itu bertujuan mengenalpasti keberkesanan dan kelemahan dalam Misi Kemanusiaan Padang yang telah dilaksanakan pada 30 Disember 2010 hingga 4 Januari 2011 menerusi kerjasama tiga institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Indonesia iaitu UMK, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Politeknik Negeri Padang, Indonesia.

Bendahari Program, En. Mohd Shahrizan bin Abu Bakar berkata, seramai 80 orang sukarelawan UMK dan UTHM yang menyertai misi di Kabupaten Pariaman dan Kabupaten Agam, Padang, Sumatera Barat hadir pada bengkel tersebut.

Beliau memberitahu, program dua hari ini bertujuan membolehkan staf universiti, mahasiswa dan sukarelawan perubatan yang menyertai misi berkenaan berkongsi pengalaman serta bertukar-tukar maklumat sesama mereka.

"Naib Canselor Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed selaku Penaung Misi Kemanusiaan Padang 2010 telah sudi merasakan bengkel tersebut pada majlis makan malam," katanya.

Menurut Shahrizan, antara aktiviti utama yang dilaksanakan dalam bengkel ini ialah perbincangan dalam kumpulan berdasarkan empat aktiviti utama yang dijalankan di Padang iaitu pendidikan, kesihatan, gotong-royong dan penyelidikan.

"Hasil daripada bengkel tersebut kedua-dua Universiti telah merumuskan bahawa Misi Kemanusiaan Padang telah berjaya mencapai objektif dan matlamat penganjurannya serta telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama ini dalam program misi kemanusiaan lain di masa hadapan," katanya.

Tambahnya, menerusi program ini pelajar UMK dan UTHM dapat meneruskan jalinan kerjasama dalam pelbagai aspek dan bukan sahaja tertumpu kepada kerja-kerja kebajikan tetapi juga dalam bidang akademik.

"Sempena program itu para peserta yang terlibat telah dibawa melawat ke beberapa lokasi menarik yang terdapat di sekitar Kota Bharu" katanya.

Lensa Kamera Karnival PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2011



30,000 REBUT PELUANG MASUK **UNIVERSITI**



PENGANJURAN program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) Jom Masuk U 2011, Zon Empat, adalah platform terbaik kepada pelajar lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf di peringkat pengajian program Asasi, Diploma, Ijazah Pertama serta Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia yang merancang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Program anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) itu sekali lagi mendapat sambutan luar biasa apabila dikunjungi oleh lebih 18,000 pengunjung pada hari pertama berlangsung di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan, pada 12 hingga 13 Februari 2011.

Antara yang menarik perhatian pengunjung ialah tawaran peluang pengajian di 200 buah reruai (booth) yang disertai oleh 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 100 Institut Pengajian Tinggi Swasta yang terpilih serta pelbagai Jabatan/Bahagian/Agensi/Institusi yang mengambil bahagian.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi KPTM, Y.Brs. Prof. Dr. Rujhan bin Mustafa, berkata pelajar sekolah termasuk ibu bapa disaran mengambil peluang ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat bermanfaat seperti program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi negara dan yuran pengajian.

Tambah beliau, KPTN Jom Masuk U 2011 adalah kali kedua berlangsung di Kelantan dan dibuka untuk orang awam secara percuma selama dua hari berturut-turut dari pukul 9 pagi hingga 6 petang.

"Program ini adalah Pusat Seheni (One Stop Centre), kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi termasuk pembiayaannya bagi lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf.

"Selain itu, pada karnival ini juga pihak KPTM menyediakan ruang dan peluang kepada pengunjung memilih dan menentukan program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA/IPTS dengan tepat dan sesuai dengan kelayakan mereka sebelum mendaftar secara talian on-line," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam program Wawancara Khas Bersama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi KPTM, Y.Brs. Prof. Dr. Rujhan bin Mustafa dan Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar, yang disiarkan secara langsung oleh Radio Kelantan FM.

Menurut Prof. Dr. Ibrahim, karnival ini adalah kali kedua anjuran bersama UMK dan KPTM, selepas kejayaan program KPTN tahun lepas yang menerima sambutan luar biasa dari masyarakat negeri Kelantan.

Tambah beliau, tujuan penganjuran karnival yang bertema '1Malaysia: Pendidikan Untuk Semua' ialah untuk memberi peluang bermaklumat kepada kumpulan sasaran tentang peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan.

"Program Jom Masuk U dilihat penting dalam mempromosi serta menyebarluaskan maklumat mengenai program pengajian baru yang ditawarkan oleh IPTA, ILK dan institusi lain mulai Sesi Akademik 2011/2012.

"Secara tidak langsung membantu usaha kerajaan melestarikan bidang pendidikan negara dan memberi kesedaran berguna kepada masyarakat merealisasikan matlamat dalam hal penggalakan pendidikan selaras dengan hasrat teras Pengajian Tinggi Negara," jelasnya.

Apa kata pengunjung?

"Sebagai guru kaunseling, saya dapat mengambil peluang ini untuk membawa bersama pelajar-pelajar saya bagi mendapatkan maklumat tentang kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS selain membuat pilihan yang tepat dalam pengajian di Universiti kelak, sekaligus dapat memotivasikan diri mereka."

Rashidah Binti Sehak
Guru Kaunseling, Smk. Tok Uban, Pasir Mas, Kelantan
43 Tahun

"Program Jom Masuk U beri peluang kepada saya mengetahui lebih lanjut berhubung kelulusan dan kelayakan yang setaraf untuk membuat pemilihan dalam program bidang-pengajian yang bersesuaian. Oleh itu, saya berharap program ini diteruskan bagi menyebarluaskan maklumat yang diperlukan oleh pelajar-pelajar dan juga ibu bapa."

Afifah Binti Burhanuddin
SMU Taqaddam Al-Maarif, Pasit Tumbuh, Kota Bharu
18 Tahun

"KPTN bukan hanya amat berfaedah kepada pelajar-pelajar malah kepada golongan ibu bapa seperti saya untuk mendapatkan maklumat awal bagi mengenal pasti bidang pengajian yang bersesuaian untuk anak-anak dalam menentukan hala tuju masa depan mereka."

Che Rohani Binti Mohamad
Kuala Krai
46 Tahun

Lensa

**PILIHAN RAYA
KAMPUS**

**MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UMK 2011**

21 FEB 2011



**LATIHAN MENEMBAK ANGGOTA KOR SUKSIS UMK,
LAPANG SASAR, GUNONG, BACHOK**

5 MAC 2011



MISI BANTUAN MANGSA BANJIR DI PAGOH, JOHOR

12 - 13 FEB 2011



**SESI LAWATAN KERJA NAIB CANSOLOR
KE KAMPUS BACHOK DAN JELI**

2-3 MAC 2011



UMK ANJUR PROGRAM KEM NUKLEUS

bantu tingkat motivasi pelajar



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) telah mengadakan Program Kem Nukleus di Kem Danau, Pasir Mas, Kelantan, pada 21 Januari 2011 selama dua hari satu malam.

Pengarah program, En. Mohammad Khairul Azhar bin Abdul Razab berkata, program tersebut bertujuan menerapkan ciri-ciri kecemerlangan dengan lebih berkesan dalam diri pelajar FASA melalui pelbagai kaedah motivasi dan latihan dalam kumpulan.

Beliau yang juga pensyarah FASA UMK memberitahu, Program Kem Nukleus merupakan kesinambungan Program Kem Bumi yang telah berjaya diadakan oleh FASA di Bukit Bakar, Machang, Kelantan pada tahun lalu.

"Kumpulan sasaran peserta program ini adalah pelajar FASA yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.49 dan ke bawah bagi Semester 1 Sesi Akademik 2010/2011," katanya.

Menurut beliau, seramai 36 staf FASA terlibat dalam menjayakan program ini yang bertindak sebagai penceramah jemputan, fasilitator dan juga ahli jawatankuasa program.

"Antara aktiviti yang dijalankan adalah latihan kawad dan kecergasan, latihan dalam kumpulan, pemantapan sahsiah diri, aktiviti lasak seperti *water rafting* dan *wave challenge*, ceramah motivasi, *jungle trekking* dan *night walking*," katanya.

Menurutnya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang Program Kem Nukleus diharap dapat memberi motivasi dan penerapan ciri-ciri kecemerlangan dalam diri pelajar-pelajar FASA yang mendapat PNGK 2.5 ke bawah.

"Ia bagi membolehkan mereka lebih bersemangat untuk berusaha dalam pengajian dan menghargai peluang yang ada untuk lebih cemerlang dalam akademik. Selain meningkatkan semangat berdaya saing masing-masing," katanya.

Mohammad Khairul Azhar berkata, pengisian Program Kem Nukleus turut menambahkan ilmu pengurusan masa bagi membantu para peserta kembali berusaha gigih dalam mencapai keputusan yang cemerlang dalam pengajian.

"Kami juga ingin mendedahkan pelajar-pelajar FASA tentang kepentingan alam sekitar dan sumber asli dalam kehidupan harian yang dapat dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti menerusi program ini," katanya.

Beliau memberitahu, pihaknya memilih Kem Danau sebagai lokasi program kerana ia amat sesuai untuk peserta menjalankan aktiviti lasak selain mempunyai kemudahan mencukupi yang mengambil kira faktor-faktor keselamatan.

Menurutnya, para peserta dikehendaki menyerahkan borang amanah dan menandatangani 'Surat Aku Janji' pada akhir program berlangsung.

"Dekan FASA, Y.Bhg. Prof. Dr. Haji Ibrahim bin Che Omar turut hadir memberi semangat dan sokongan kepada para peserta program selain menyempurnakan majlis penutup program tersebut," katanya.



Naib Canselor

raikan 10 anak-anak ahli KERiS



SERAMAI 10 anak staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) diraikan pada Majlis Hi-Tea Bersama Naib Canselor bagi meraikan keputusan cemerlang anak-anak ahli Kelab Kebajikan dan Rekreasi Staf (KERiS) UMK di Bilik Kuliah 5, pada 22 Disember 2010.

Kesemua pelajar itu turut menerima sumbangan wang tunai setiap seorang daripada Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

Penerima terdiri daripada enam orang anak KERiS yang mendapat 5A dalam UPSR, tiga orang mendapat 4A 1B dan seorang mendapat keputusan 8A dalam PMR.

Pada majlis sama, Naib Canselor turut memberi kata-kata perangsang kepada anak-anak ahli KERiS yang berjaya agar dapat mereka mempertingkatkan usaha dalam meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

MEMPERKASAKAN MODAL INSAN BERKUALITI DAN KOMPETAN

KECEMERLANGAN modal insan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah organisasi khususnya dalam meningkatkan daya saing dan kemahiran tenaga kerja bagi memenuhi cabaran dan persaingan pada masa kini.

Sehubungan itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menubuhkan Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), Jabatan Pendaftar bertujuan untuk merangka program pembangunan sumber manusia yang baik sebagai usaha untuk meningkatkan kompetensi staf ke arah pembangunan organisasi yang cemerlang.

Menurut Pendaftar UMK, En. Abdul Halim bin Abdul Rahman, penubuhannya akan memberikan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti nilai tambah yang berasaskan pengetahuan, inovasi dan kreativiti.

Beliau berkata, pembangunan sumber manusia merangkumi keseluruhan staf iaitu akademik dan bukan akademik serta meliputi skop kelayakan akademik, pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugas dengan baik dan berkesan.

"BPMI akan melakukan analisis keperluan latihan staf untuk dijadikan panduan menyediakan perancangan program latihan staf yang berkesan melalui sistem pemantauan hasil latihan secara berterusan," katanya.

Menurutnya, program latihan ini mula dilaksanakan ke atas setiap staf untuk melihat keberkesanan latihan yang dihadiri merangkumi aspek jumlah jam latihan yang dihadiri, kos pengurusan latihan serta penyampaian dan aplikasi latihan yang diperolehi di tempat kerja.

"Pada tahun ini, UMK mendapat sejumlah 118 kuota peruntukan cuti belajar bagi staf akademik di dalam dan luar Negara manakala sebanyak 65 jenis latihan telah diluluskan oleh pihak Universiti pada tahun 2011 yang akan dilaksana dan ditawarkan kepada staf UMK meliputi pelbagai kategori seperti pembangunan kemahiran, peribadi, organisasi mahu pun keusahawanan.

Sepanjang bulan Januari hingga Mac, BPMI telah menganjurkan Kursus Keluarga Bahagia (7 Feb 2011), Kursus Pengurusan Fail, Rekod, dan Surat Rasmi (10 Feb 2011), Kursus Budaya Cemerlang (16 hingga 17 Februari 2011) dan Siri Latihan Dalam Perkhidmatan (SPRM) pada 20 Februari 2011.

Pada masa sama, BPMI juga menganjurkan Bengkel Penyediaan Soalan Peperiksaan (23 hingga 24 Februari 2011), Kursus Pengurusan Fail, Rekod, dan Surat Rasmi (2 hingga 3 Mac 2011) dan Kursus Komunikasi Berkesan (8 hingga 9 Mac 2011).



Program latihan staf penting sebagai panduan untuk keperluan dalam menjalankan tugas di pejabat.



Peserta bengkel Kursus Budaya Kerja Cemerlang kongsi pengalaman dengan penceramah.

HARI BERTEMU PELANGGAN 2011 PROMOSI PENGAJIAN UMK



Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli memberi taklimat tentang Program Persediaan Sains Keusahawanan anjuran UMK.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan 2011 bertempat di Dewan Auditorium, Kompleks MARA Negeri Kelantan pada 19 Mac 2011.

Pengarahnya, Pn. Wan Tik Sakinah binti Wan Mohd Zain berkata, program tersebut disertai oleh kaunselor-kaunselor dari 20 sekolah menengah di Kelantan dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Zon Timur.

"Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK, Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar menyampaikan taklimat mengenai program pengajian yang ditawarkan oleh UMK kepada peserta-peserta program.

"Taklimat berkenaan juga telah memberi gambaran sebenar tentang proses pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan di UMK selain menyentuh mengenai fasiliti, kemudahan dan kelengkapan yang terdapat di UMK," katanya.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Timbalan Pengarah (Khidmat Pengurusan) MARA Negeri Kelantan, En. Che Shafie bin Che Omar.

Pn. Wan Tik menambah, Hari Bertemu Pelanggan UMK 2011 turut bertujuan memberi penerangan dan kefahaman kepada kaunselor sekolah mengenai Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) UMK.

"PPKS merupakan program usahasama antara Kolej MARA Kulim (KMK), Kedah dan UMK sebagai persediaan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di UMK.

"Program ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 29 Mac 2010 manakala pelajar PPKSambilan pertama dijangka memulakan pengajian mereka di KMK pada Mei 2011," jelasnya.

SEMBANG SEMBANG

Casual Conversations by Women on Entrepreneurship



Che Hasmah Hassan

Wan Zuraida Wan Isa

Suhaiza Mohamed

Silawati Sidek

"CABARAN DUNIA PERNIAGAAN - MITOS ATAU REALITI?"

NABI Muhammad s.a.w dan isteri baginda sendiri, Saiditina Siti Khadijah adalah mentor atau *role model* yang berjaya dan seharusnya menjadi panduan kepada usahawan dalam usaha melebarkan perniagaan mereka.

Pengarah Urusan Hasmah Wide Enterprise, Pn. Che Hasmah binti Hassan berkata, usahawan wanita khususnya mengambil peluang untuk mencungkil rahsia kejayaan Siti Khadijah dan baginda Rasulullah sendiri mendalami ilmu serta selok-belok perniagaan.

"Selain itu, sesorang usahawan perlu melawan konflik antara minda dan jiwa yang saling berperang apabila ingin memulakan perniagaan.

"Kita harus keluar dari cabaran itu dengan menempis persoalan yang berlegar-legar dalam minda sama ada kita boleh atau tidak untuk memulakan sesuatu perniagaan dengan membuat keputusan yang tepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri program Sembang-Sembang Usahawan Wanita bertajuk Cabaran Dunia Perniagaan - Mitos atau Realiti? yang diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 9 Mac 2011.

Program anjuran Kedutaan Amerika Syarikat (AS), Warisan Global Sdn. Bhd. dan kerjasama UMK ini membariskan empat panel terdiri daripada kalangan usahawan wanita iaitu Pengarah Urusan Hasmah Wide Enterprise, Pn. Che Hasmah binti Hassan; Pengarah Urusan Ieda Food Technologies Sdn. Bhd., Pn. Suhaiza binti Mohamed Yazri dan Presiden Persatuan Usahawan Siswazah Kelantan, Pn. Silawati binti Sidek.

Manakala Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Dr. Nooraini binti Mustafa bertindak sebagai moderator program.

Sementara itu, Wan Zuraida berkata, antara cabaran dan realiti yang harus disahut oleh beliau sebagai seorang pengusaha kuli sejuk beku ketika mengendalikan perniagaan adalah persaingan harga, kualiti, dan pembungkusan yang berbeza daripada produk makanan syarikat lain.

Menurutnya, kebanyakan usahawan wanita hari ini gagal dalam perniagaan adalah kerana mudah berputus asa untuk bersaing dengan empat atau lima jenama produk lain yang berada di pasaran.

"Sekiranya mereka mempunyai produk yang bermutu dan berkualiti tidak mustahil produk keluaran mereka mampu bersaing dan menjadi pilihan pelanggan atau pengusaha pasar raya yang mahu menjual produk kita," jelasnya.

Manakala Suhaiza berpendapat seorang usahawan juga memerlukan rangkaian dan hubungan yang erat dengan orang lain dalam membantu perniagaan mereka.

Jelas beliau, usahawan juga harus berani menghadapi cabaran dan realiti dalam perniagaan dan mitos itu tidak seharusnya jadi halangan untuk melaluinya," katanya.

Pendapat itu disokong oleh Silawati yang terlibat dalam perniagaan pembekalan ternakan kepada agensi kerajaan dan swasta.

Menurutnya, perasaan malu juga sering membelenggu wanita yang bercadang untuk menceburi bidang perniagaan kerana perasaan minda dan persepsi negatif yang sering menghantui usahawan hari ini.

"Selain itu, untuk memulakan perniagaan tidak seharusnya kita memiliki modal besar untuk menjalankan perniagaan kerana pada masa yang sama tanpa modal pun kita boleh menceburi bidang itu," ujarnya.



Barisan ahli panel terdiri daripada usahawan wanita yang mengupas tajuk Cabaran Dunia Perniagaan - Mitos atau Realiti ?



Program Siri Ceramah Perdana Profesor Usahawan Malaysia disaran komersialkan industri buluh

USAHAWAN tempatan disarankan mengambil peluang menghasilkan produk berasaskan buluh komposit yang boleh diekspor ke luar negara memandangkan pokok buluh mempunyai nilai komersial yang tinggi di pasaran.

Pemangku Ketua Jabatan Sains Bumi, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Dr. Razak bin Wahab, industri berasaskan buluh mempunyai potensi tinggi sekiranya diusahakan secara komersial.

Beliau memberitahu, di Malaysia sahaja terdapat lebih 500 hektar atau lima peratus kawasan hutan di negara ini dilitupi oleh pokok buluh.

"Sejak beberapa tahun lalu, kajian telah mengumpul banyak maklumat tentang kepentingan buluh dan maklumat ini boleh dikongsi orang ramai yang berminat untuk mempelajari cara dan kaedah untuk mengusahakan tumbuhan ini secara komersial," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ceramah bertajuk 'Manfaat dan Kegunaan Buluh' dalam program Siri Ceramah Perdana Profesor UMK, di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK, Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 5 Mac 2011.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed; Timbalan Dekan FASA, En. Aweng A/L Eh Rak dan Ketua Jabatan Agro Industri FASA, Dr. Noor Azlina binti Ibrahim.

Menurut Prof. Dr. Razak, setakat ini Indonesia hanya mengeksport buluh mentah atau buluh yang dikerat dalam bentuk bulat sahaja dan peluang ini perlu dimanfaatkan sewajarnya dengan usaha lebih luas iaitu dengan merawat dan memproses buluh untuk diekspor sebagai kayu beluti yang boleh digunakan dalam industri binaan.

"Selain mendapatkan buluh dari hutan, buluh boleh kita tanam sendiri melalui kaedah tisu kultur untuk hasil yang lebih baik dan kepakaran ini sudah ada di negara kita," katanya.

Di Malaysia terdapat pelbagai jenis buluh, antaranya buluh akar, buluh batu/tumput, buluh betung, buluh cina, buluh duri, buluh gading, buluh kasap, buluh minyak/padang, buluh peleting, buluh perindu, buluh sembilang dan buluh leman.

Tambah beliau, penggunaan buluh di negara ini belum dieksploitasi sepenuhnya dan bahan mentah itu hanya terhad digunakan dalam perusahaan perabot dan kraf tangan.

Bagaimanapun katanya, setakat ini, buluh hanya digunakan dalam industri perabot dan itupun menggunakan buluh mentah yang diimport dari Indonesia.

"Dalam beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa bilah buluh sebenarnya mempunyai kekuatan anjal lebih tinggi berbanding kayu jati dan meranti yang menjadi asas dalam bahan binaan di negara ini," katanya.

Prof. Dr. Razak memberitahu, penggunaan buluh dalam industri perabot sahaja boleh mencecah harga ribuan ringgit kerana kualitinya namun kerana kurangnya pendedahan dan mentaliti rakyat di sini memilih hasil perabot buluh import dari negara jiran.

Penganjuran Siri Ceramah Perdana Profesor kedua dijadualkan pada Jun 2011 dan akan disampaikan oleh Prof. Adjung FASA, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin yang juga mantan Pengarah Urusan, Kumpulan Chemical Company Of Malaysia Berhad.

Manakala siri ketiga ceramah yang dijadualkan pada September 2011 akan disampaikan Pensyarah Jabatan Sains Bumi FASA, Y.Bhg. Prof. Dr. A.S.M. Woobaidullah yang mempunyai kepakaran dalam bidang geofizik.



Industri berasaskan buluh mempunyai potensi tinggi di pasaran - Prof. Dr. Razak Wahab.

MAULIDUR RASUL

500 SERTAI HIMPUNAN DI UMK

KEPERIBADIAN Rasulullah harus menjadi contoh kepada seluruh warga Universiti supaya kita tidak lupa akan peranan kita sebagai pewaris perjuangan yang ditinggalkan Nabi Muhammad s.a.w.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr Mortaza bin Mohamed menyeru kepada staf dan pelajar di UMK kerana sebagai orang Islam tidak ada model ikutan lain sebaik-baik Rasulullah.

Beliau berkata, kita bertanggungjawab untuk mengikut contoh yang telah ditunjukkan oleh baginda terutama dalam perjuangan meningkatkan ekonomi ummah selaras dengan peranan besar yang dimainkan oleh UMK sebagai universiti yang berteraskan kesusahawanan.

"Ini adalah jihad kita sebagai umat Rasulullah untuk menjadi yang terbaik bagi memastikan ekonomi ummah hari ini berkembang dan tidak terus terkebelakang berbanding orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMK, di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 15 Februari 2011.

Lebih 500 staf dan pelajar UMK menyertai perarakan sejauh satu kilometer sambil membawa sepanduk sebagai manifestasi perasaan cinta dan kasih mereka kepada Rasulullah di sekitar kawasan perniagaan Taman Bendahara dan kampus UMK.

Program sulung anjuran Unit Pembangunan Islam dan Nilai (UNIPEN) itu mendapat sambutan menggalakkan daripada seluruh warga Universiti.

Pada majlis sama, satu ceramah oleh Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa dan Insaniah, En. Burhan bin Che Daud, mengupas tentang maksud sebenar sambutan Maulidur Rasul sebagai transformasi kepada kita mencegah melakukan kerosakan dan kemungkaran.



MAJLIS PEMUAFAKATAN AS-SYURA

erat silaturrahim warga UMK

LEBIH 500 bekas bubur As-Syura dan bubur lambuk berjaya diagihkan kepada staf dan pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sempena Majlis Permuafakatan As-Syura 1432H, di Dataran Usahawan, UMK, pada 30 Disember 2010.

Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UniPEN) UMK, Encik Wan Mohd Amir bin Yusoff berkata, program anjuran bersama Kelab Kebajikan dan Rekreasi Staf (KERis) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMK itu melibatkan 100 peserta dalam kalangan warga UMK.

"Program ini merupakan kali ketiga diadakan di UMK manakala sebanyak enam kawah bubur As-Syura dan seperiuk bubur lambuk dimasak pada hari ini. Kami mengambil masa selama seminggu untuk mengadakan persiapan program kali ini," katanya.

Turut hadir Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Pengerusi KERis, Encik Ngadiso bin Darus, pegawai-pegawai kanan, kakitangan dan pelajar UMK.

Naib Canselor turut turun padang memasak bubur As-Syura bersama-sama kakitangan UMK sebagai memberi semangat dan sokongan kepada peserta program tersebut.

Wan Mohd Amir berkata, Majlis Permuafakatan As-Syura 1432H merupakan salah satu pendekatan untuk mengeratkan ukhawah antara staf dengan pelajar UMK selain melahirkan rasa kasih sayang sesama mereka.

"Kita juga berharap program ini dapat melahirkan rasa muhibbah dalam kalangan warga UMK di samping memupuk semangat kerjasama serta pengorbanan sesama mereka," jelas beliau.



Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed mencuba sendiri cara mengacau bubur as-syura.

Beliau menambah, pihaknya akan meneruskan tradisi memasak bubur As-Syura dan bubur lambuk peringkat UMK dengan melibatkan penyertaan lebih ramai warga universiti pada masa akan datang.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan hadir membantu dan bergotong-royong menyiapkan bubur asyura pada program kali ini. Pihak kami berharap semangat keiktiaan seumpama ini dapat terus subur dalam kalangan warga UMK," katanya

UMK, JABATAN PERIKANAN TEROKAI KAJIAN BIAK KETAM NIPAH

KETAM Nipah atau nama saintifiknya *Scylla Serrata* atau juga dikenali di sebelah utara negara dengan nama ketam nyior antara spesies raja sepi yang mendapat permintaan tinggi di hotel-hotel dan restoran eksklusif pada masa kini.

Harga pasaran ketam nipah mencecah RM28 hingga RM40 sekilogram mempunyai masa depan yang baik untuk dibangunkan oleh pengusaha ternakan dalam industri akuakultur kerana hasilnya mampu memberi pulangan lumayan berbanding makanan laut lain.

Aktiviti ternakan ketam nipah di Malaysia agak kurang popular berbanding dengan ternakan ikan dan udang kerana sumber benih yang terhad dan sehingga kini benih ketam nipah hanya diperolehi daripada sumber semulajadi.

Masa depan akuakultur di negara ini mempunyai peluang cerah sekiranya diusahakan secara komersial terutamanya melibatkan ternakan hidupan air samada ikan, udang, kerang-kerangan, ketam dan juga rumpai laut.

Namun, industri penternakan ketam nipah kurang popular kerana kajian mengenai teknik penghasilan benih ketam nipah secara komersial di seluruh dunia masih belum mencapai kejayaan walaupun benih ketam nipah berjaya dihasilkan di pusat-pusat penetasan di negara-negara seperti Australia, Vietnam dan Filipina.

Melihat kepada prospek itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Pusat Pengeluaran Perikanan Ikan Laut, Jabatan Perikanan Malaysia, Tanjung Demong, Besut, Terengganu telah menjalankan kajian penghasilan benih ketam nipah dan pengurusan kesihatannya.

Pensyarah Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK, Dr. Lee Seong Wei berkata, penyelidik UMK mengalas tanggungjawab ini untuk menolong para peternak ketam nipah atas permintaan mereka bagi menyelesaikan masalah benih ketam nipah yang semakin berkurangan.

Beliau memberitahu, tempoh projek penyelidikan tersebut adalah bermula pada Januari 2010 hingga Disember 2011 dan berkait rapat dengan Program Sains Peternakan di UMK.

"Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan benih ketam nipah dan menghuraikan perkembangan awal embrio serta perkembangan larval di bawah keadaan hatcheri," katanya.

Tambah beliau, kajian ini bertujuan menggambarkan sifat antibiogram dan profil logam berat daripada komuniti mikrob yang dipencilkan daripada ketam nipah selain untuk mendedahkan sifat anti-mikrobial daripada pengekstrakan tumbuhan herba dalam merencat pertumbuhan bakteria yang dipencilkan daripada ketam nipah.

"Induk betina ketam nipah yang ditangkap daripada laut dipelihara di dalam tangki fiber dan dibekalkan dengan air laut, oksigen, pasir pantai dan paip PVC.

"Ketam akan diberi makan dengan kepah (*Meretrix meretrix*) setiap hari sebanyak 20 peratus daripada berat badannya dan sebanyak 50 peratus air di dalam tangki ternakan ditukar setiap hari.

"Kualiti air perlu dikawal semasa ternakan dengan parameter air yang optimum iaitu salinititi 30 ppt, oksigen terlarut melebihi 5 ppm, suhu antara 28-30°C dan pH antara 6.5-7.5," katanya.

Dr. Lee selaku Ketua Projek Penghasilan Benih Ketam Nipah dan Pengurusan Kesihatannya turut dibantu pensyarah FASA, Cik Suniza Anis Muhamad Sukri dan pelajar siswazah, Cik Syahrizawati Mohd Zohri.

"Proses semula jadi ketam nipah akan bersalin kulit sebelum mengawan atau bertelur dan kebiasaannya ketam betina mampu mengeluarkan telur sebanyak tiga kali untuk setiap kali proses mengawan.



Ketam nipah menjalani proses penyalinan kulit baru.

"Ketam betina yang membawa telur dikenali sebagai *berried female* akan diasingkan dan diletakkan secara individu di dalam tangki penetasan bagi tujuan penderaman dan penetasan telur," katanya.

Menurut Dr. Lee, pada masa itu larval ketam nipah yang baru menetas dipanggil zoea akan dimasukkan ke dalam tangki ternakan dengan kadar segera dan diberi makan dengan rotifer, *Brachionus rotundiformis* (10-15 ind/ml), *Artemia salina* (0.5-3 ind/ml) dan *Chlorella* (50000 sel/ml) sebagai makanan kepada rotifer sehingga ke peringkat megalopa.

Jelas beliau, seterusnya aktiviti pemencilan dan pengesanan bakteria daripada induk ketam nipah akan dilakukan dengan menggunakan lima jenis media iaitu *Thiosulphate Citrate Bile Salt* (TCBS), *Mac Conkey*, *Cytophaga Agar* (CA), *Xylose Lysine Deoxycholate* (XLD) dan *Glutamate Starch Pseudomonas* (GSP) yang dieramkan selama 24 hingga 48 jam pada suhu bilik.

"Bakteria yang berjaya dipencilkan daripada induk ketam nipah kemudiannya diuji kerintangannya terhadap 16 jenis antibiotik antaranya *Nalidixic acid* (30µg), *Oxolinic acid* (2µg), *Compound sulphonamides* (300µg), *Doxycycline* (30µg), *Tetracycline* (30µg) dan *Novobiocin* (30µg).

"Bakteria yang sama diuji kerintangannya dengan 4 jenis logam berat iaitu *mercury* (Hg²⁺), *chromium* (Cr⁶⁺), *copper* (Cu²⁺) dan *zinc* (Zn²⁺) pada 5 kepekatan berbeza yang berjulat antara 2.5-2400 µg ml⁻¹," katanya.

Selain itu, jelas beliau, 30 jenis ekstrak tumbuhan herba yang terdapat di Malaysia diuji sifat kebolehan merencatkan pertumbuhan bakteria yang dipencilkan daripada ketam nipah.

"Pengekstrakan tumbuhan herba ini menggunakan 80 peratus metanol dan 20 peratus air suling yang dibiarkan selama 72 jam dan dikeringkan pada suhu 30°C," katanya.

Dr. Lee berkata, kajian ini adalah penting untuk penilaian kesihatan spesies ketam nipah bagi tujuan keselamatan makanan berdasarkan kepada bakteria yang berkaitan dengannya.

"Bakteria yang dipencilkan ini mungkin adalah daripada jenis patogenik yang bertindak sebagai vektor dalam pemindahan penyakit kepada manusia. Penggunaan antibiotik komersial sebagai rawatan kepada penyakit bakteria boleh menyebabkan risiko kepada kontaminasi persekitaran," katanya.

Tambah beliau, oleh itu, pengekstrakan tumbuhan herba dilakukan bagi menggantikan penggunaan antibiotik yang terdapat dipasaran kini untuk merencat pertumbuhan bakteria.

"Kami berharap hasil daripada projek ini akan dimanfaatkan kepada para peternak ketam nipah yang menghadapi masalah kekurangan benih ketam nipah," kata beliau.



Harga ketam yang mahal ekoran permintaan tinggi di pasaran.



17.05.2010 11:30



UMK TERIMA ANUGERAH SARON WANGSA UTAMA MAKUM 2010

USAHA Universiti Malaysia Kelantan dalam memartabatkan aktiviti kesenian dan kebudayaan terus mendapat pengiktirafan apabila berjaya merangkul Anugerah Saron Wangsa Utama, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2010, di Majlis Anugerah Seni MAKUM 2010 anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis, pada 28 Januari 2011.

Walaupun baru berusia tiga tahun, UMK telah membuktikan mampu menganjurkan pelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan setanding dengan universiti-universiti yang lebih berpengalaman.

Ketua Unit Kebudayaan, Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-kurikulum, Puan Linira Ghazali menyifatkan anugerah ini satu penghargaan yang cukup bermakna sebagai simbolik penyerahan kepimpinan kepada universiti.

Katanya, selain itu anugerah ini bertujuan untuk memberi penghormatan dan penghargaan kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan aktiviti-aktiviti MAKUM sepanjang tahun 2009 dan 2010.

"Anugerah ini diberikan kepada IPTA-IPTA yang mempunyai komitmen yang tinggi dalam menganjurkan sebarang aktiviti pertandingan dan program yang diperakui oleh MAKUM dengan jayanya," katanya.

Antara program yang di anjurkan oleh UMK adalah Bengkel Mak Yong UMK - MAKUM 2010 dan Program Keusahawanan FESTKUM 2010.

Pada majlis itu, dua pelajar UMK juga telah dicalonkan untuk menerima Anugerah Bonang Emas MAKUM 2010 iaitu Alif Hafizuddin Zakaria dan Rosyiha Sedik pelajar tahun akhir Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).

MTE 2011 Penyelidik UMK Raih 3 Gangsa

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) terus mempamerkan kemajuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) apabila meraih tiga pingat gangsa pada Pameran Teknologi Malaysia (MTE) 2011 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Produk MY MM oleh Dr. Lee Seong Wei dan Dr. Mariam Firdhaus binti Mad Nordin dan produk MY WENGTONIA oleh Encik Aweng A/L Eh Rak dan Dr. Lee Seong Wei dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) berjaya merangkul tiga pingat gangsa pada MTE 2011.

Menurut Dr. Lee, MY MM merupakan produk udang kering dari spesies akuakultur baru iaitu udang kecil air tawar atau nama saintifiknya *Macrobrachium spp.*

"MY WENGTONIA pula adalah makanan tambahan kesihatan untuk proses detoxifikasi bagi merawat penagih dadah yang menjalani proses pemulihan di pusat-pusat serenti," katanya.

Kata beliau, pihaknya akan terus menyertai pertandingan inovasi pada masa akan datang antaranya Pameran Reka Cipta, Inovasi, Teknologi dan Reka Bentuk Antarabangsa (ITEX) yang dijadualkan pada Mei 2011.



FESTKUM UMK raih 2 gangsa



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) mengukir kejayaan manis di Festival Majlis Kebudayaan Universiti -Universiti Malaysia (FESTKUM) 2010 apabila memenangi dua pingat gangsa dalam kategori Dikir Barat dan Tarian Klasik India.

Festival yang berlangsung pada 15 hingga 19 Disember 2010 di empat lokasi iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perlis, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Arau, Perlis.

Kejayaan itu membuktikan pelajar UMK kini setanding dengan universiti-universiti lain walaupun masih baru menyertai festival berprestij ini.

Objektif utama UMK menyertai enam dari lapan pertandingan yang dipertandingkan adalah untuk menimba ilmu dan pengalaman baru di samping mempelajari banyak perkara daripada institusi-institusi yang sudah mempunyai nama serta berpengalaman dalam festival kebudayaan seumpama ini.

Menerusi pencapaian ini diharapkan pelajar dapat menimba ilmu pengetahuan baru daripada universiti-universiti lain dalam membuat persediaan bagi pertandingan seperti ini serta berpeluang mengenali pelajar-pelajar daripada universiti-universiti lain yang aktif di dalam seni dan kebudayaan.



Para tetamu mengacau hidangan Yee Sang yang disediakan sebagai simbolik kepada kemakmuran dan kemewahan sempena sambutan Tahun Baru Cina.

UMK semarakkan semangat 1Malaysia

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA & PESTA PONGGAL 2011

KESEPADUAN, kemesraan dan kesepakatan terbukti melalui sambutan meriah Tahun Baru Cina dan Pesta Ponggal oleh pelajar-pelajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed berkata, sambutan dua perayaan peringkat UMK ini jelas menunjukkan semangat perpaduan antara kaum, sikap tolak ansur dan muafakat antara mereka.

Beliau berkata, warga UMK perlu bersama-sama mengukuhkan perpaduan antara kaum untuk membina kekuatan dalam menyemarakkan lagi semangat 1Malaysia menerusi sambutan perayaan kaum di negara ini.

Tambah beliau, sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum sambutan sesuatu musim perayaan itu sentiasa dinanti-nantikan kerana ia bukan sahaja disambut oleh satu kaum tetapi juga kaum yang lain.

"Mengikuti kepercayaan kaum Cina sempena kehadiran tahun arnab pada tahun ini boleh membawa tuah dan rezeki lebih baik kepada mereka dan juga Universiti," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2011 di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK pada 18 Februari 2011 dan Sambutan Pesta Ponggal pada 26 Februari 2011.

Sementara itu, sambutan Pesta Ponggal 2011 merupakan amalan tradisi masyarakat India bagi meraikan hari menuai padi yang diadakan mengikut kalender Hindu sebagai amalan dan kebudayaan kaum India.

Pesta ini dikenali sebagai Ponggal Thirunaal diadakan bagi merapatkan lagi hubungan di kalangan pelajar India dan kaum lain yang turut serta dalam pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan menghias 'kolams', pertandingan ikat mattai, ikat bunga dan pecah belanga diadakan.

Prof. Dato' Dr. Mortaza berkata pesta itu diharapkan dapat merapatkan hubungan silaturahim pelajar terutamanya bagi mereka berlainan bangsa yang mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang telah disediakan.

Jelas beliau, acara tradisi seperti itu sebenarnya turut diamalkan oleh kaum lain di negara ini dan memberi ingatan kepada kita bahawa banyak perkara yang dikongsi secara bersama oleh semua kaum di Malaysia.

Pada majlis itu, pelajar UMK telah berkongsi pengalaman dalam menghias kolams yang kebiasaannya dibuat di depan pintu rumah, sebagai tanda selamat dan rahmat supaya isi rumah mendapat kesejahteraan.

Kemahiran membuat kolams ini biasanya diwarisi turun temurun. Walaupun nampak susah, tetapi masyarakat Hindu mempunyai kemahiran membuat kolams yang unik, cantik dan menarik.



Prof. Dato' Dr. Mortaza menyalakan pelita tradisi kaum India sebagai gimik perasmian Pesta Ponggal 2011.



Mahasiswa UMK daripada pelbagai lapisan kaum mencuba kemahiran menghias dan membuat kolams.

100 peserta IPT ASEAN sertai U-ASSIST NETWORKING



SERAMAI 100 peserta dari 11 buah universiti rantau Asia Tenggara menyertai program U-Assist Networking 2010 anjuran Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Hotel New Pacific, Kota Bahru, Kelantan baru-baru ini.

Program dua hari bermula 22 Disember 2010 itu bertemakan *Never Alone: Sharing Best Practices* bertujuan membolehkan kakitangan pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT) berkongsi pengalaman serta bertukar-tukar maklumat sesama mereka.

Antara yang hadir adalah wakil dari University Prince of Songkla (PSU) Kampus Pattani, Thailand; Universiti Brunei Darussalam (UBD), Brunei dan empat universiti dari Indonesia iaitu Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITSN) Surabaya, Universiti Trisakti (UT) Jakarta, Universiti Andalas (UA) Padang dan Universiti Teknologi Bandung (UTB).

Selain UMK sendiri sebagai tuan rumah, turut hadir adalah peserta dari IPT tempatan lain iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini bin Mohamed dalam kata-kata aluannya sempena U-Assist Networking 2010 berkata, program tersebut disasarkan kepada staf pentadbiran di IPT dalam negara yang merupakan jentera penting bagi memastikan kesinambungan pengurusan IPT yang cekap dan cemerlang.

"Namun di atas sokongan dan kepentingan serantau, pihak UMK turut mengundang beberapa staf dari kalangan IPT negara yang selama ini telan banyak membantu dan menjalin hubungan kerja bersama UMK," katanya.

Tambah beliau, objektif utama program *U-Assist Networking 2010* adalah untuk berkongsi pengalaman staf dalam dari luar negara dalam aspek pengurusan sesebuah IPT dan seterusnya memberi peluang kepada staf untuk bertukar maklumat serta pemindahan kepakaran bersama-sama rakan-rakan IPT yang lain.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ANJUR FESTIVAL WAU FTKW-UMK 2011

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melalui Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia telah menganjurkan Festival Wau FTKW-UMK 2011, di tapak Kampus UMK Bachok, di Tangok, Bachok, Kelantan pada 19 Mac 2011.

Seramai 139 pelajar FTKW mengambil bahagian dalam festival kali ini bagi merebut hadiah bagi kategori Wau Cantik (Dibumi), Wau Naik dan Juara Wau 2011.

Penyelaras Program, En. Mohd. Nawi bin Mat Ali berkata, penganjuran Festival Wau FTKW-UMK 2011 merupakan aktiviti tahunan sebagai merealisasikan Kursus Asas Studio (CFT 1056) bagi pelajar Pengajian Warisan dan Teknologi Kreatif yang memilih wau sebagai sebahagian dari subjek kajian.

Jelas beliau, konsep dan metodologi dalam pembuatan wau menepati kepentingan pengajian dan pelajar didedahkan dengan teknik membuat, meneliti dan menganalisa sejarah dan permainan wau secara akademik.

"Pelajar dikehendaki menyiapkan wau secara berkumpulan iaitu dua orang untuk sebuah wau di bawah tunjuk ajar beberapa pengajar terpilih dari Majlis Pelayang Malaysia.

"Konsep pengajian ini juga menjadi motivasi berbagai latar belakang dan suatu kelainan dalam teknik pembelajaran studio," katanya.

Menurut beliau, program festival kali ini juga mendapat kerjasama baik daripada Majlis Pelayang Malaysia dalam menyokong warisan dan mempertahankan seni permainan wau.

"Festival kali ini menjadi lebih bermakna serta istimewa apabila penyertaan peserta bukan sahaja di kalangan bangsa Melayu tetapi juga kaum Cina, India dan pelajar daripada Sabah serta Sarawak juga turut serta dalam pertandingan ini.

"Pertandingan ini juga telah memberi kefahaman terhadap elemen dan prinsip reka bentuk serta aplikasinya dalam perekaan sebagai agenda utama dalam pendidikan seni dan mempelajari wau," katanya.



PERSEKITARAN KEUSAHAWANAN DI FASA MEMPERKASAKAN PKS DALAM SEKTOR PERTANIAN

PERUSAHAAN Kecil dan Sederhana (PKS) akan menjadi fokus penting dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan akan juga terus menjadi penyumbang penting dalam komuniti perniagaan dalam masyarakat sama ada di bandar atau di luar bandar. PKS mempunyai masa depan yang cerah bagi menjana pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan dan sebagai strategi untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), yang objektifnya adalah untuk membasmi kemiskinan, PKS boleh dijadikan satu kenderaan untuk memastikan masyarakat berupaya mencapai masyarakat berpendapatan tinggi. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memperkasakan komuniti perniagaan dalam kalangan bumiputra, menjadi satu cabaran memandangkan sebagai besar komuniti PKS terdiri daripada usahawan bumiputra yang menjalankan perniagaan dari tahap kecil hingga sederhana.

Sektor pertanian telah disenaraikan sebagai salah satu bidang di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan ini sangat bertepatan kerana sektor ini mempunyai komuniti dengan tahap kemiskinan yang tinggi. Sektor pertanian menyumbang 4 peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI) dalam tahun 2009 dan perlu dipertingkatkan untuk masa depan.

Oleh itu, strategi penting yang perlu dilaksanakan adalah untuk mengubah pemikiran rakyat yang menganggap pertanian adalah satu profesion untuk golongan miskin, di samping usaha menjadikan sektor pertanian lebih menarik terutama dari kalangan generasi muda. Ini akan dicapai melalui perubahan sektor pertanian kepada aktiviti perniagaan dan keusahawanan terutamanya PKS.

PKS perlu diperkukuhkan dengan cara mempelbagaikan pembangunan sektor agro-industri bagi mempelbagaikan komoditi perniagaan. Dengan secara tak langsung, strategi ini akan membantu mengatasi masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat pertanian.

Malaysia mempunyai sepertiga daripada penduduknya terlibat dengan sektor pertanian, dan sekitar 80 peratus daripada komuniti pertanian ini mempunyai pendapatan yang sukar untuk dikategorikan sebagai pendapatan tinggi. Untuk meningkatkan pendapatan dalam sektor pertanian, pengeluaran hasil dan pembangunan agroindustri perlu berada pada tahap berskala tinggi, di samping berupaya mewujudkan industri pembuatan dengan strategi pembangunan produk yang memberi nilai tambah. Kejayaan sektor pertanian memerlukan sokongan berbagai disiplin dan ilmu pengetahuan untuk memastikan pembangunan PKS akan lebih berjaya.

Namun, PKS dalam sektor pertanian memerlukan prasarana dan kemudahan yang lengkap khususnya di luar bandar untuk menjamin kelestarian dan keadilan dalam pertumbuhan ekonomi. Prasarana ini harus meliputi bukan hanya prasarana fizikal, tetapi pertimbangan dari segi kos input, peningkatan kecekapan pengurusan, kemudahan pinjaman, serta maklumat tentang pasaran, yang akan juga membantu untuk menjaga ekonomi melalui PKS. Disinilah pihak kerajaan dapat memainkan peranannya bagi menyediakan suatu persekitaran untuk menggalakkan pertumbuhan PKS, khususnya di luar bandar.

Di UMK, strategi ini digunapakai sepenuhnya untuk membangun kurikulum akademik yang menggabungkan keusahawanan dengan ilmu pengetahuan teknikal bagi membangun produk pertanian yang memenuhi permintaan pasaran. Pelajar di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) didedahkan dengan nilai rantaian ilmu pengetahuan untuk membangun suatu perniagaan dalam bidang teknologi pertanian berasaskan tumbuhan, haiwan, bahan ubatan, bahan kimia atau teknologi makanan, proses hiliran, industri halal, termasuk juga proses pembuatan (teknologi bioindustri) dan pembangunan produk yang diperkukuhkan dengan ilmu dan amalan keusahawanan. Graduan telah mempelajari kaedah untuk mengenalpasti sumber dan meningkat nilai sumber tersebut untuk dijadikan komoditi perniagaan yang berdaya saing dan diterima di pasaran.

Pendekatan pendidikan keusahawanan PKS adalah dengan menekankan kepada pembangunan produk bermutu dengan kos yang paling minimum. Ini akan menjamin kelestarian PKS yang biasanya melibatkan pelaburan yang rendah. Strategi mempelbagaikan sektor pertanian akan menjamin peluang pekerjaan yang luas dan sesuai untuk berbagai peringkat masyarakat daripada berbagai latarbelakang. Perlu diingat juga bahawa, sektor pertanian bukan hanya berorientasikan produk melalui proses industri atau pembuatan, tetapi sektor ini juga dikaitkan dengan sektor perkhidmatan.

Perkhidmatan yang penting bagi memastikan kejayaan PKS dalam sektor pertanian termasuklah memperkukuhkan prasarana, kemudahan ruang perniagaan, pengangkutan, pembinaan keupayaan usahawan dan kemahiran serta memperluaskan perolehan untuk mendapat kemudahan kewangan. Semua perkhidmatan ini diperincikan di dalam Model Ekonomi Baru (MEB) yang secara umum menekankan kepada penajanaan ekonomi melalui pendekatan yang sangat inovatif.



UMK yang menjadikan keusahawanan sebagai teras mengambil pendekatan yang berbeza bagi memberi pendidikan untuk memastikan graduan mampu menjayakan strategi memperkasakan PKS. Ini dicapai melalui penterjemahan kepada kaedah inovatif dan kreatif untuk meningkatkan pendapatan usahawan PKS. Dalam masa yang sama, FASA akan terus memikirkan usaha untuk meningkatkan daya saing PKS yang sedia ada terutama di dalam ECER.

Ini dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada program bimbingan (kursus pendek/bengkel) yang bersesuaian sama ada dalam penyampaian ilmu baru, perkongsian pengalaman, pemindahan teknologi atau khidmat nasihat. Selain daripada itu, usaha untuk mewujudkan inkubator dalam kampus diperhebatkan agar syarikat atau PKS dapat membuat persediaan sebelum menghadapi persaingan di pasaran terbuka.

PKS sentiasa memerlukan penambah baik dalam semua segi agar berupaya ditransformasikan menjadi enterprais korporat yang mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Strategi yang penting adalah melalui pembentukan jalinan kerjasama dengan enterprais besar atau korporat yang bersedia menjadi mentor.

Sehubungan dengan matlamat tersebut, terdapat berbagai kaedah penyampaian pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan oleh FASA yang merentasi semua program akademik. Program akademik yang ditawarkan bertujuan menyediakan ilmu teknikal yang lengkap di samping melatih untuk meningkatkan kemahiran bagi menepati keperluan alam pekerjaan. Program latihan juga meliputi ilmu keusahawanan dan aspek kawalan mutu dan daya saing produk. Pendekatan sistem penyampaian diubahsuai dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar untuk meliputi pendidikan berorientasikan masalah, projek dan juga berdasarkan hasil yang diharapkan. Selain daripada itu, pendidikan dilaksanakan dengan membimbing pelajar untuk mewujudkan syarikat dalam kampus sebagai satu pendekatan menjayakan konsep inkubator. Syarikat pelajar diberi skim pinjaman mudah untuk memulakan perniagaan dan dibimbing oleh staf akademik ke arah mewujudkan nic dan pasaran bagi sesuatu produk/komoditi. Syarikat yang berjaya diharapkan akan dapat diketengahkan sebagai satu PKS apabila graduan menamatkan pengajian mereka. Konsep inkubator bukan hanya diperuntukkan untuk syarikat pelajar tetapi dibuka untuk PKS dari luar kampus.

IPT kini perlu menimbang pendidikan keusahawanan dengan bersungguh-sungguh dalam membentuk kurikulum akademik sebagai strategi untuk menjaga peluang pekerjaan dalam kalangan siswazah. Ini adalah selari dengan status semasa yang peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta telah semakin berkurangan. Dalam masa yang sama, penglibatan pihak industri sebagai mentor diperkukuhkan bertujuan untuk merapatkan jurang antara ilmu dengan amalan. Untuk itu, FASA juga didokong oleh Majlis Kumpulan Tindakan Keusahawanan (AGE Council) yang keahliannya terdiri daripada ketua syarikat yang secara berterusan memberi pandangan dan penambah baik untuk menjayakan pendidikan keusahawanan. Penglibatan industri juga dilaksanakan melalui program sokongan pembelajaran, yang meliputi Program Biokeusahawanan, Pembudayaan Ilmu dan pengajaran dan pembelajaran oleh pihak industry (Industry on Campus Program, ICP). FASA akan mengeluarkan graduan sulungnya pada tahun 2011 ini. FASA menaruh harapan yang tinggi agar segala yang telah dididik, diterap dan disampaikan kepada graduannya akan menjadi bekal yang mencukupi untuk bersaing dalam dunia yang sangat mencabar.

Penulis adalah Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Prof. Dr Hj Ibrahim Che Omar



KONVOKESYEN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2011 Menjulung Keusahawanan

MENJULANG KEUSAHAWANAN

Aspirasi Konvokesyen Pertama UMK

MAJLIS Konvokesyen Pertama bertemakan Menjulung Keusahawanan bakal merealisasikan aspirasi kejayaan dan pencapaian Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai sebuah Universiti Keusahawanan pertama seumpamanya di negara ini dan amnya di rantau Asia Tenggara.

Sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK yang dijangka akan diadakan pada penghujung tahun ini, UMK telah memperkenalkan logo konvokesyen pertama dengan meletakkan pendidikan keusahawanan pada tahap tertinggi dalam pembangunan negara.

Penggunaan logo ini diilhamkan sempena sambutan Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bakal menjadi kebanggaan seluruh warga Universiti dan rakyat Kelantan sendiri.

Rekabentuk Mortar Board pada logo merupakan simbol rasmi kepada majlis konvokesyen pertama yang akan berlangsung dan penghormatan tertinggi kepada graduan yang bergraduasi.

Simbol nombor satu yang terletak di bahagian kanan berbentuk dominan adalah yang memberi maksud majlis konvokesyen yang pertama dan UMK meletakkan aspirasi keusahawanan sebagai teras utama dalam penubuhan Universiti.

Majlis konvokesyen pertama menggunakan tema 'Menjulung Keusahawanan' dan turut mengambil kira penggunaan warna korporat UMK iaitu biru, jingga dan merah yang menjadi tonggak utama merealisasikan kegemilangan dan kecemerlangan membangunkan teras Universiti.

Sementara itu Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, memberitahu, graduan pertama UMK akan menjadi kayu pengukur dan penentu kepada kejayaan UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan.

"Pelbagai persiapan awal telah dilaksanakan sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK termasuk memperkenalkan logo konvokesyen pertama Universiti," katanya.

Menurut beliau, rekaan logo khas sempena majlis konvokesyen pertama itu bertemakan 'Menjulung Keusahawanan' dan turut mengambil kira warna korporat UMK iaitu biru, jingga dan merah.

Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, UMK telah memanfaatkan perkembangan teknologi dengan melaksanakan sistem e-kehadiran, e-mesyuarat, e-cuti dan e-tuntutan pada tahun lalu.

"Penggunaan sistem ini diharap dapat berterusan dan dimantapkan manakala pihak Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) disaran agar sentiasa mengemaskini fungsi sistem berkenaan supaya ia lebih relevan, cekap dan berkesan," katanya.

Tambah Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, proses perjalanan UMK ke arah mencapai visi Universiti masih jauh dan ia memerlukan Universiti membuat perancangan rapi dan pelaksanaan berkesan.

Beliau menambah, Universiti telah mempunyai dokumen hala tuju dan pelan strategik untuk tempoh tahun 2010-2020 sebagai rujukan sasaran kerja tahunan Universiti.